0172
U 8187 BAH
MAHATHIR
I
KUALA LUMPUR, 29 NOV (BERNAMA) -- KERAJAAN TIDAK AKAN MEMBIARKAN IA DILENCUNGKAN DARIPADA MENCAPAI MATLAMAT-MATLAMAT DASAR EKONOMI BARU DALAM PADA WUJUD + ANCAMAN DAN USUTAN OLEH GOLONGAN TERTENTU+, DATUK SERI DR MAHATHIR MOHAMAD BERKATA HARI INI.

KATANYA KERAJAAN BERAZAM UNTUK MENCAPAI KEDUA-DUA SEKALI KESTABILAN POLITIK DAN PERTUMBUHAN EKONOMI DAN + KAMI FIKIR KAMI BOLEH+.

+KESEMUA MATLAMAT INI YANG KERAJAAN BERAZAM MENCAPAINYA,MALANGNYA MENDEDAHKAN KAMI KEPADA ANCAMAN DAN USUTAN OLEH GOLONGAN TERTENTU,+ KATANYA SEMASA MERASMIKAN PERSIDANGAN +1988 NATIONAL OUTLOOK+, SELAMA DUA HARI ANJURAN INSTITUT PENYELIDIKAN EKONOMI MALAYSIA (MIER) DI HOTEL SHANGRI-LA DI SINI.

PERDANA MENTERI BERKATA ADA PIHAK BERUSAHA UNTUK + MENGGONCANGKAN SAMPAN JIKA TIDAK PUN DIKARAMKAN SAMA SEKALI+ SEKIRANYA KERAJAAN TIDAK TUNDUK KEPADA TUNTUTAN-TUNTUTAN MEREKA.

KATANYA SUKAR UNTUK MELAYANI KESEMUA KEHENDAK DAN KEPENTINGAN PELBAGAI SEKTOR DAN KUMPULAN TETAPI + KITA HARUS MENCARI KATA SEPAKAT YANG BARU BERKAITAN DASAR EKONOMI SELEPAS 1990+.-- LAGI
1134MST 29 11 88

0178
U 8190 AAB
MAHATHIR 2 KUALA LUMPUR

DATUK SERI DR MAHATHIR BERKATA DASAR BARU NANTI PERLU SELANJUTNYA MENGGALAKKAN PELABURAN BARU DARI LUAR DAN DALAM NEGERI SERTA MENGGALAKKAN PRODUKTIVITI SECARA MENUJUDKAN KEMAHIRAN BARU DAN MENGGUNAKAN TEKNOLOGI BARU.

+KITA PERLU BERDAYA CIPTA DAN BERDAYA MEMBAWA PEMBAHARUAN TETAPI DALAM PADA ITU KITA HARUS LEBIH BERAZAM UNTUK MENCAPAI MATLAMAT-MATLAMAT YANG KITA TETAPKAN 17 TAHUN LALU. SAYA BERHARAP SEMUA PIHAK AKAN MEMAINKAN PERANAN MASING-MASING DALAM USAHA INI+, KATANYA.

MENGENAI KEBIMBANGAN SEKTOR SWASTA DAN RAKYAT TENTANG BENTUK DASAR EKONOMI BARU SELEPAS 1990, PERDANA MENTERI BERKATA:+ SAYA SUKA MEMBERI JAMINAN KEPADA ANDA BAHAWA SETIAP ORANG AKAN DIRUNDINGI SEPENUHNYA SEBELUM KAMI MEMBUAT KEPUTUSAN TENTANG BENTUK DASAR BARU ITU DAN STRATEGI-STRATEGI YANG AKAN DIAMALKAN+.

DASAR-DASAR DAN STRATEGI-STRATEGI ITU PERLU MENEKANKAN KEPADA MENUJUDKAN PERTUMBUHAN DAN KEKAYAAN DAN INI SEMUA PERLU DILAKUKAN DALAM KONTEKS PENYUSUNAN SEMULA EKONOMI NEGARA BAGI MEMASTIKAN PERTUMBUHAN YANG BERKEKALAN DAN STABIL, KATANYA.-- LAGI
1152MST 29 11 88

0208

U 0176 AA9

MAHATHIR 3 KUALA LUMPUR

KATANYA, SELAIN ITU KEMISKINAN BANDINGAN PERLU DIKURANGKAN DAN KEMISKINAN MUTLAK DIHAPUSKAN SAMA SEKALI DI NEGARA INI, MANAKALA MEREKA YANG KURANG BERNASIB BAIK DIJAGAI DAN PELUANG PEKERJAAN PULA DIPERBANYAKKAN.

+YANG TERPENTING LAGI IALAH KITA TIDAK BOLEH MENGETEPIKAN MATLAMAT PENYUSUNAN SEMULA MASYARAKAT KHUSUSNYA PEMILIKAN 30 PERATUS SAHAM KORPORAT OLEH BUMIPUTERA DAN MEMPERLUASKAN PENGLIBATAN MEREKA DALAM SEKTOR PERDAGANGAN DAN KORPORAT,+ KATANYA.

MENGENAI EKONOMI MALAYSIA YANG TUMBUH DENGAN CEMERLANG SELEPAS KEMELESETAN PADA 1985, BELIAU BERKATA KERAJAAN BERPUAS HATI YANG DASAR-DASAR PENYESUAIAN DENGAN KEMELESETAN DUNIA AKHIRNYA MEMBUAHKAN HASIL.

KATANYA LANGKAH-LANGKAH BERJIMAT CERMAT SEJAK 1984 DAPAT MENGURANGKAN DEFISIT AKAUN SEMASA KERAJAAN YANG KINI MENUNJUKKAN KELEBIHAN SEDERHANA TAHUN INI MANAKALA DEFISIT KESELURUHANNYA DIKURANGKAN DARIPADA 19 PERATUS DARIPADA KELUARAN NEGARA KASAR PADA 1984 KEPADA ENAM PERATUS SAHAJA PADA 1986.

+KERAJAAN AKAN TERUS BERHATI-HATI DALAM PERBELANJAANNYA SEHINGGA SEKARANG PUN,+ KATANYA SAMBIL MENAMBAH BAHAWA IA TIDAK MAHU BERBALIK KEPADA TABIAT MEWAH BERBELANJA SEPERTI SEBELUM INI WALAUPUN PENDAPATAN NEGARA KINI BERTAMBAH EKORAN PERTUMBUHAN EKONOMI.-- LAGI

1220MST 29 11 88

0209

U 0197 AA9

MAHATHIR 4 KUALA LUMPUR

KADAR PERTUMBUHAN EKONOMI NEGARA TAHUN INI DIJANGKA 7.4 PERATUS DALAM NILAI SEBENAR, SUATU PENCAPAIAN CEMERLANG BERBANDING KADAR BAWAH SATU PERATUS PADA 1985.

SEJUMLAH 183 TOKOH EKONOMI DAN PERDAGANGAN MENGHADIRI PERSIDANGAN ITU, YANG ANTARA LAIN BERTUJUAN MEMBINCANGKAN PEMBANGUNAN YANG TERBARU EKONOMI NEGARA .

PENGERUSI JEMAAH PEMEGANG AMANAH MIER, TUN ISMAIL MOHAMED ALI DALAM UCAPAN ALU-ALUANNYA, MENYENERAIKAN PELBAGAI USAHA INSTITUT ITU SEJAK DITUBUHKAN PADA 1985.

INI TERMASUK PENYELIDIKAN DALAM BIDANG-BIDANG YANG PENTING BAGI NEGARA SEPERTI PERUBAHAN STRUKTUR CUKAI, DASAR PERDAGANGAN, GUNA TENAGA DAN PERINDUSTRIAN SELAIN MENYEDIAKAN RAMALAN YANG KEMAS KINI MENGENAI EKONOMI MALAYSIA SETIAP SUKU TAHUN.

INSTITUT CUBA MEMENUHI HARAPAN TERHADAPNYA SEBAGAI BADAN UNTUK BERKHIDMAT KEPADA KERAJAAN SEBAGAI SUMBER GAGASAN-GAGASAN BAGI KEMAJUAN EKONOMI NEGARA.-- BERNAMA

1232MST 29 11 88